


BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

- 1 Mengapakah British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?
- A Mengelakkan persengketaan
 - B Mengukuhkan perpaduan
 - C Meningkatkan ekonomi
 - D Melindungi penduduk
- 2 Rajah berikut berkaitan dengan Perlembagaan Sarawak.



Badan yang diberi kuasa oleh Perlembagaan Sarawak menggubal undang-undang (1956)

Apakah X?

- A Majlis Undangan
 - B Majlis Tertinggi
 - C Majlis Negeri
 - D Majlis Kerja
- 3 Apakah sumbangan mesyuarat pertama Majlis Negeri Perak pada tahun 1877?
- A Menentukan bidang kuasa sultan
 - B Menjaga kebajikan rakyat
 - C Menggubal undang-undang
 - D Mengurus perbendaharaan
- 4 Mulai 1946, Majlis Persekutuan terlibat menggubal undang-undang negeri.
- Apakah negeri-negeri yang terlibat?
- A Negeri-negeri Selat
 - B Negeri-negeri Melayu Bersekutu
 - C Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
 - D Negeri Sarawak dan Sabah

- 5 Apakah terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957?
- A Kedudukan kuasa Parlimen
 - B Kewarganegara yang sama
 - C Kerajaan negeri yang kukuh
 - D Kepentingan kabinet kerajaan
- 6 Apakah ciri-ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan Malaysia?
- I Agama Islam
 - II Bahasa Melayu
 - III Kewarganegaraan
 - IV Sistem Demokrasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 Asas pembentukan demokrasi berparlimen adalah pilihan raya umum ~~1957~~ 1955
- Mengapakah pilihan raya tersebut dilaksanakan?
- A Memenuhi keperluan semasa
 - B Menuruti kehendak rakyat
 - C Menubuhkan kerajaan
 - D Menstabilkan politik
- 8 Mengapakah pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 berlaku?
- A Pengukuhan sistem beraja
 - B Pelaksanaan darurat
 - C Pemisahan Singapura
 - D Pembentukan Malaysia

- 9 Apabila Malaysia dibentuk, Mahkamah Atasan telah diwujudkan.

Apakah Mahkamah Atasan?

- A Mahkamah Tinggi Malaya
- B Mahkamah Persekutuan
- C Mahkamah Syariah
- D Mahkamah Rayuan

- 10 Apakah kesan pindaan Perlembagaan 1965 kepada sejarah negara?

- A Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- B Indonesia melancarkan konfrontasi
- C Brunei tidak menyertai Malaysia
- D Filipina menuntut wilayah Sabah